

28/08/2001

Kisahmu Belum Berakhir bolot RM50,000

GRADUAN kejuruteraan kimia dari universiti Australia, Shanon Shah Mohd Sidik, 23, dinobatkan sebagai juara Pertandingan Lagu Patriotik Malaysia Alaf Baru - International College of Music (Icom) 2001 malam Sabtu lalu, sekali gus memenangi wang tunai RM50,000 berserta trofi.

Beliau menerima hadiah yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Shanon Shah, wartawan di sebuah firma di Petaling Jaya mendendangkan lagu Kisahmu Belum Berakhir turut memperlihatkan kebolehannya dalam penggubahan lagu, selain liriknya.

Satu lagi kelebihan anak muda kelahiran Kedah itu ialah sambil menyanyikan lagu berkonsepkan pop kontemporari berkenaan, dia turut bermain piano dengan gaya pemuzik profesional.

"Saya bermain piano sejak berumur enam tahun. Bermula saat itu saya jatuh cinta dengan muzik. Namun, apabila memasuki alam persekolahan sehingga di universiti, saya meminati semua mata pelajaran.

"Namun, muzik tidak dapat dipisahkan dengan saya. Cinta kepada muzik tetap tersemat di hati sehingga mendapat ilham mencipta lagu itu," katanya selepas majlis penyampaian hadiah.

Mengenai mesej yang disampaikan melalui seni kata, Shanon berkata sebagai rakyat Malaysia yang cinta kepada negara, seharusnya mengakui kelemahan di dalamnya.

"Rakyat Malaysia harus berusaha bersungguh-sungguh mengatasi kelemahan itu terutama dalam menangani kegawatan ekonomi, seterusnya menaikkan nama negara di mata dunia," katanya yang akan menggunakan wang dimenangi untuk membeli peralatan muzik, selain merealisasikan hasratnya menghasilkan album sendiri.

Tempat kedua dimenangi Azim Sulaiman yang membawakan lagu ciptaannya, Negaraku Malaysia dan membawa pulang wang tunai RM20,000 serta trofi.

Berbekalkan lagu One Nation, One Land, Nisha Arunasalam menduduki tempat ketiga menerima wang tunai RM7,500 serta trofi.

Sembilan lagi peserta iaitu Ghazali Hassan dengan lagu ciptaan Ke Mercu Jaya Malaysia, Tan Chee Ming (Demi Cinta), Azrul Sani Abdullllah (Akan Aku Terus Setia), Ahmad Sufiyan Shuib (Sayangku Malaysia) dan Brian Johnson Lowe (Our Land) menerima sugu hati RM2,500 serta trofi.

Tidak ketinggalan Mohd Zekri Ismail (Gemilang), Mohd Kamal Kamaruddin (Paksi Diri), Mozani Ramzan Mohd Noor (Jati Diri Malaysia) dan Yew Mei Yee/Lau Kong Chyuan (Kita Yakin, Kita Percaya).

Semua wang tunai berjumlah RM100,000 adalah sumbangan Icom dan dianggap paling lumayan dalam sejarah penganugerahan industri muzik tempatan.

Selain Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali, turut hadir Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Alimusa Sulaiman.

Hadir sama Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), Sharif Ahmad serta Pengurus Lembaga Pengelola Icom, Tan Sri Murad Mohd Noor.

Barisan juri ialah Naib Presiden Akademik Icom, Valerie Ross; Pengarah Urusan Positive Tone Sdn Bhd, Ahmad Idzham Omar; Pengarah Urusan Broadway Entertainment, Tan Boon Heng dan Naib Presiden Institusi Pembangunan Icom, Hanafie Mohd Iman sebagai ketua juri.

(END)

